

FAKTA AUDIT

JABATAN PERDANA MENTERI
Majlis Profesor Negara (MPN)

Skop Pengauditan

Penilaian terhadap aspek tadbir urus korporat MPN dalam mengendalikan aktiviti bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023.

Penilaian terhadap aspek kedudukan kewangan meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

Kenapa Perlu Diaudit

MPN tidak pernah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak diperbadankan pada tahun 2014.

MPN menerima geran mengurus daripada Kerajaan berjumlah RM35.84 juta bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 serta 2022 dan 2023.

Rumusan Audit

Objektif penubuhan MPN berdasarkan Artikel Pertubuhan pindaan 26 Ogos 2019 tidak tercapai, amalan tadbir urus korporat berada pada tahap tidak memuaskan dan kesinambungan operasi dan sumber kewangan MPN tertakluk kepada terimaan peruntukan daripada Kerajaan.

Penemuan Audit

Pindaan Artikel Pertubuhan pada tahun 2019 mengakibatkan objektif MPN tidak lagi selari dengan matlamat asal penubuhannya.

Dua ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) tidak mengisyihar kepentingannya sebagai pemilik saham kepada dua syarikat persendirian selaras dengan Akta 777 dan penyalahgunaan dana MPN bagi pembiayaan operasi kepada dua syarikat tersebut berjumlah RM373,516 mewujudkan konflik kepentingan.

Pembayaran elauan tetap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi berjumlah RM207,000 tanpa kelulusan menteri yang dipertanggungjawabkan.

Pembayaran yang dibuat tanpa kelulusan LPA:

- Honorarium felo penyelidik berjumlah RM399,000.
- Pemasangan lif dan pengubahsuaian pejabat berjumlah RM82,500.
- Penyelarasan gaji pengurusan tertinggi berjumlah RM62,500.
- Pembayaran elauan tetap Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif berjumlah RM66,000.

Pengurusan geran tidak cekap kerana:

- Pengiktirafan geran tertunda sebagai hasil berjumlah RM2.43 juta tanpa dokumen sokongan.
- RM0.92 juta dibelanjakan tidak mengikut tujuan geran diluluskan.
- RM475,000 peruntukan tidak digunakan.

Pembayaran kad kredit korporat berjumlah RM98,076 dan wang pendahuluan berjumlah RM20,000 tanpa dokumen sokongan.

Syor Audit

Jabatan Perdana Menteri (JPM) perlu mengkaji semula status MPN sebagai syarikat di bawah seliaan Kerajaan. Status MPN perlu diputuskan sebelum dipertimbangkan sama ada penyaluran peruntukan geran kepada MPN wajar diteruskan.

Sekiranya MPN kekal sebagai syarikat di bawah seliaan Kerajaan, MPN perlu membuat pindaan terhadap Artikel Pertubuhan dengan memasukkan wakil Kerajaan dalam LPA untuk memantau operasi dan kewangan MPN.

JPM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan MPN bagi ketakteraturan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada agensi penguatkuasaan berkaitan dan pengurusan MPN perlu dirombak secara menyeluruh.

JABATAN PERDANA MENTERI

1. MAJLIS PROFESOR NEGARA


LATAR BELAKANG

1. Majlis Profesor Negara (MPN) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dahulunya dikenali sebagai Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] pada 16 Disember 2014 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ). Pada awalnya MPN ditubuhkan pada 3 Februari 2010 sebagai sebuah organisasi yang diluluskan oleh Kerajaan untuk menggerakkan kepakaran tenaga akademik bagi membantu usaha Kerajaan membangunkan negara dan memberi kesejahteraan kepada masyarakat. Seterusnya pada 1 April 2010, MPN telah dilancarkan sebagai sebuah program khas di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi yang kemudiannya dijadikan sebagai organisasi pusat dan diletakkan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri (JPM) mulai 21 Mac 2014.
2. Bagaimanapun pada 23 Mei 2018, MPN telah diarahkan oleh Kerajaan untuk dibubarkan namun terus beroperasi secara bersendirian dengan pembiayaan sendiri. Pada 8 November 2021, MPN telah diiktiraf semula oleh Kerajaan dan diletakkan di bawah seliaan JPM sebagai kumpulan pemikir Kerajaan dalam agenda pembangunan negara.
3. Berdasarkan Artikel Pertubuhan (pindaan bertarikh 26 Ogos 2019), objektif MPN ialah 90% daripada aktiviti melibatkan pemberian bantuan biasiswa, hadiah, ganjaran, elaun dan penajaan kepada pelajar kurang bernasib baik untuk membantu membiayai pengajian di institusi pendidikan. Selain itu, 10% aktiviti syarikat tertumpu kepada sebarang usaha dalam menyediakan intervensi latihan, perkhidmatan nasihat dan perundingan dalam pelbagai bidang yang relevan untuk pembangunan negara secara umum. Bagaimanapun, MPN belum melaksanakan aktiviti selaras dengan Artikel Pertubuhan yang dipinda ini dan masih melaksanakan aktiviti berdasarkan Artikel Pertubuhan terdahulu bertarikh 16 Disember 2014 iaitu sebagai kumpulan pemikir Kerajaan dalam agenda pembangunan negara.
4. MPN mengumpulkan semua profesor dalam pelbagai disiplin keilmuan apabila dilantik sebagai profesor oleh Institusi Pengajian Tinggi diiktiraf. Berdasarkan pangkalan data keahlian MPN setakat 31 Januari 2024, jumlah keseluruhan ahli ialah seramai 8,582 yang terdiri daripada 3,088 profesor dan 5,494 profesor madya.

Aktiviti Utama dan Model Operasi

5. Setakat Mac 2024, MPN masih melaksanakan aktiviti berdasarkan mandat MPN sebelum pindaan 26 Ogos 2019. Aktiviti utama syarikat ialah membantu dari segi kegiatan pembangunan ilmiah; penggubalan dasar; advokasi sosial; dan menyelaras pembangunan penyelidikan strategik negara. Sumber pendapatan MPN diperoleh daripada peruntukan geran mengurus melalui kementerian/jabatan bagi melaksanakan aktivitinya. MPN telah menerima peruntukan geran berjumlah RM28.06 juta sejak tahun 2015 hingga 2018. Pada tahun 2022 dan 2023 pula, MPN menerima geran masing-masing berjumlah RM3.38 juta dan RM4.40 juta setelah diiktiraf semula sebagai kumpulan pemikir Kerajaan. MPN melalui Pejabat Sekretariat juga menyalurkan dana kepada Jawatankuasa Penyelarasaran Kluster dan Chapter Majlis Profesor Universiti Awam dan Swasta bagi pelaksanaan aktiviti. Secara amnya model operasi MPN diringkaskan seperti dalam **Carta 1**.

Carta 1: Model Operasi Majlis Profesor Negara



Sumber: Jabatan Audit Negara

PENEMUAN AUDIT

6. Pengauditan dijalankan bagi tempoh Januari hingga Februari 2024. Objektif, skop dan metodologi pengauditan seperti dinyatakan dalam **Lampiran 1**. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada MPN telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 5 April 2024. Lain-lain penemuan Audit adalah seperti di **Lampiran 2**.

**TADBIR URUS
KORPORAT****Lembaga
Pemegang
Amanah****7. Objektif Penubuhan, Pelantikan, Komposisi dan Pembayaran Elaun Lembaga Pemegang Amanah (LPA).**

Berdasarkan Artikel 3 dan 10.1, Artikel Pertubuhan bertarikh 16 Disember 2014, objektif MPN adalah sebagai kumpulan pemikir Kerajaan dalam agenda pembangunan negara dan MPN hendaklah diuruskan oleh LPA, yang ahlinya hendaklah dilantik oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri.

8. Semakan Audit mendapati pindaan Artikel Pertubuhan pada 26 Ogos 2019 telah meminda objektif asal MPN. Bagaimanapun, MPN didapati belum melaksanakan aktiviti selaras dengan Artikel Pertubuhan yang dipinda ini dan masih melaksanakan aktiviti berdasarkan Artikel Pertubuhan terdahulu bertarikh 16 Disember 2014 iaitu sebagai kumpulan pemikir Kerajaan dalam agenda pembangunan negara. Perkara ini mengakibatkan **objektif MPN tidak selari dengan matlamat asal penubuhannya**. Selain itu, pindaan mengakibatkan tiada peranan YAB Perdana Menteri dalam melantik ahli LPA dan tiada wakil Kerajaan dalam LPA serta MPN sebagai SBMJ tidak dijamin Kerajaan.

9. Berdasarkan Artikel 10.1, Artikel Pertubuhan bertarikh 26 Ogos 2019 menetapkan MPN hendaklah diuruskan oleh LPA, yang ahlinya hendaklah dilantik oleh menteri yang dipertanggungjawabkan¹. Bagaimanapun, kelulusan daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) hendaklah diperoleh terlebih dahulu. Selain itu, artikel yang sama menetapkan bilangan ahli LPA tidak kurang dari dua dan tidak melebihi 25. Keahliannya terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha Agung, Timbalan Setiausaha Agung dan ahli lain daripada Ketua Kluster.

¹ Menteri yang dipertanggungjawabkan merujuk kepada Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

-
10. Semakan Audit mendapati **pelantikan tiga ahli LPA pada tahun 2023 hanya mendapat kelulusan daripada Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN). Tiada kelulusan diperoleh daripada Ketua Pengarah LHDN seperti yang ditetapkan dalam Artikel Pertubuhan.**
11. Semakan Audit mendapati setakat Januari 2024 seramai lapan orang telah dilantik sebagai ahli LPA MPN. Ahli LPA terdiri daripada Pengurus, Timbalan Pengurus, Setiausaha Agung dan seorang Pemegang Amanah yang merupakan Ketua Kluster Pembangunan dan Perpaduan Nasional. Bagaimanapun, **keahlian LPA MPN tidak selaras dengan Artikel 10.1 kerana empat ahlinya bukan dalam kalangan Ketua Kluster dan Timbalan Setiausaha Agung masih belum dilantik.**
12. Garis Panduan SBMJ yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Artikel 11, Artikel Pertubuhan bertarikh 26 Ogos 2019 menetapkan tiada pembayaran fi, gaji, elaun tetap atau apa-apa manfaat kepada pengaruhnya kecuali telah mendapat kelulusan daripada menteri yang dipertanggungjawabkan.
13. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati **bagi tempoh Mac 2022 hingga Januari 2024 (23 bulan), Pengurus dan Timbalan Pengurus telah dibayar elaun tetap bulanan masing-masing berjumlah RM5,000 dan RM4,000 tanpa mendapat kelulusan daripada menteri yang dipertanggungjawabkan.** Pengurus telah menerima elaun tetap berjumlah RM115,000 dan Timbalan Pengurus berjumlah RM92,000.
14. Perkara berkaitan bayaran elaun tetap bulanan ini hanya dimaklumkan dalam Mesyuarat Ahli LPA Bil. 1/2023 pada 30 Mac 2023 dan Bil. 3/2023 pada 28 Disember 2023. Mesyuarat menetapkan agar pindaan terhadap Artikel Pertubuhan MPN dibuat bagaimanapun setakat tarikh 29 Februari 2024, tiada pindaan dilaksanakan.

Maklum balas MPN Setelah MPN dibubarkan oleh Kerajaan, MPN berusaha mendapatkan sumbangan pelbagai pihak bagi meneruskan kelangsungannya dengan mendapatkan status pengecualian cukai. Sehubungan itu, objektif penubuhan dipinda bagi memenuhi maksud tersebut.

Pelantikan tiga ahli LPA berkenaan berlaku pada 10 April 2023 iaitu selepas status MPN sebagai syarikat dikecualikan cukai tamat pada 30 November 2022. Lantikan Timbalan Setiausaha Agung yang baharu akan dibuat dan memastikan keahlian LPA selaras dengan peruntukan Artikel 10.1.

Permohonan pembayaran elaun kepada ahli LPA telah dibawa dalam Mesyuarat Ahli LPA Bil. 3/2023. Pindaan telah dibuat oleh Setiausaha Syarikat dan MPN masih menunggu kelulusan daripada pihak berkenaan berhubung perkara tersebut.

Cadangan pindaan Memorandum dan Artikel Pertubuhan MPN telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan ahli LPA semasa mesyuarat pada 29 April 2024 dengan mengambil kira pindaan berkaitan elaun tetap ahli LPA dan keperluan kelulusan LHDN.

Pendapat Audit **Elemen tadbir urus korporat berhubung Lembaga Pemegang Amanah adalah tidak mematuhi Artikel Pertubuhan dan Garis Panduan SBMJ.** Ia merujuk kepada ketidakpatuhan dalam proses lantikan ahli LPA yang tidak mendapat kelulusan daripada LHDN, komposisi keahlian LPA serta pembayaran elaun tetap bulanan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

Penyaluran Dana dan Pembiayaan Operasi Syarikat Persendirian 15. Seksyen 221 Akta 777 menyatakan tiap-tiap pengarah syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung mempunyai kepentingan dalam satu kontrak hendaklah mengisyiharkan jenis kepentingannya dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

16. Minit Mesyuarat Ahli LPA Bil. 1/2020 bertarikh 28 Februari 2020 mencatatkan Syarikat I dan Syarikat II ditubuhkan bertujuan untuk menjana pendapatan MPN melalui aktiviti yang dijalankan. Minit Mesyuarat Ahli LPA Bil. 1/2022 bertarikh 26 Julai 2022 memaklumkan status dua syarikat tersebut sebagai syarikat subsidiari MPN.

17. Semakan Audit mendapati MPN mempunyai Perjanjian Pembiayaan Pengoperasian dengan Syarikat I bertarikh 16 Januari 2023. Bagaimanapun, terdapat **dua ahli LPA iaitu Setiausaha Agung dan mantan Timbalan Setiausaha Agung tidak mengisyiharkan kepentingan mereka sebagai pemegang saham dalam Syarikat I.**

18. Semakan Audit mendapati **penubuhan dua syarikat tersebut dimaklumkan kepada ahli LPA tanpa dibentangkan untuk kelulusan.**

19. Semakan Audit terhadap rekod SSM pada 11 Mac 2024 mendapati **Syarikat I dan Syarikat II merupakan syarikat persendirian** dan pegangan saham dua syarikat tersebut adalah seperti dalam **Jadual 1.**

Jadual 1: Maklumat Pegangan Saham Syarikat I Dan Syarikat II


BIL.	PEMEGANG SAHAM	JUMLAH SAHAM (UNIT)	
		SYARIKAT I	SYARIKAT II
1.	Setiausaha Agung/Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif MPN	40	20,040
2.	Timbalan Setiausaha Agung/Mantan Timbalan Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif MPN	40	20,040
3.	Bekas Pegawai MPN	10	5,010
4.	Pegawai MPN	10	5,010
	JUMLAH	100	50,100

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

20. Berdasarkan maklumat dalam **Jadual 1, pemilikan saham oleh Setiausaha Agung/Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) MPN dalam Syarikat I dan Syarikat II, serta sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah kepada dua syarikat tersebut menunjukkan wujudnya konflik kepentingan.**

21. Berdasarkan temu bual dengan pegawai MPN, sejak penubuhannya, kedua-dua syarikat tersebut telah beroperasi di pejabat MPN sejak tahun 2019 tanpa dikenakan bayaran sewaan. Bagaimanapun, Syarikat II tidak lagi aktif sejak bulan Oktober 2022, manakala Syarikat I masih menggunakan ruang pejabat MPN seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2.**

Gambar 1



Bilik Pejabat KPE Syarikat I di Premis MPN
(29.02.2024)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Gambar 2



Ruang Pejabat Kakitangan Syarikat I di Premis
MPN
(29.02.2024)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

22. Perjanjian Pembiayaan Pengoperasian antara MPN dan Syarikat I telah ditandatangani pada 16 Januari 2023 yang menyatakan persetujuan MPN dalam membiayai pendahuluan pengoperasian Syarikat I dan perlu dibayar semula dalam tempoh berakhir 31 Disember 2023. Bagaimanapun, **perjanjian ini tidak dimaklumkan kepada ahli LPA.**

23. **Pembiayaan pengoperasian Syarikat I dengan menggunakan peruntukan mengurus MPN berjumlah RM166,975 tidak dibincangkan untuk kelulusan ahli LPA.** Salah satu pembiayaan operasi tersebut ialah **bayaran peruntukan wang pendahuluan kepada Syarikat I berjumlah RM71,000 bagi program pengambilan pelajar antarabangsa dibuat atas nama individu iaitu KPE Syarikat I dan bukannya atas nama Syarikat I.**

24. Setakat tarikh pengauditan pada 29 Februari 2024, **tiada sebarang pembayaran balik dibuat oleh Syarikat I kepada MPN bagi pembiayaan operasi yang diterima.**

25. Semakan Audit mendapati **penyaluran dana MPN kepada Syarikat II berjumlah RM206,541 tidak dibincangkan untuk kelulusan ahli LPA.**

Maklum balas MPN Penubuhan dua syarikat tersebut dibuat selepas MPN dikeluarkan daripada Kerajaan pada Mei 2018 oleh YAB Perdana Menteri ketika itu. Setiausaha Syarikat tidak mempunyai pengetahuan berkaitan Perjanjian Pembiayaan Operasi Syarikat I.

Mesyuarat ahli LPA pada 29 April 2024 telah membuat perakuan supaya isu berkaitan dua syarikat itu diselesaikan dengan membawa keluar dari MPN. Unit Kewangan telah membuat tuntutan semula bagi bayaran wang pendahuluan kepada Syarikat I melalui surat bertarikh 5 Mac 2024 dan tuntutan wang pendahuluan kepada Syarikat I.

Syarikat I belum mampu membuat pembayaran balik peruntukan pendahuluan daripada MPN dan akan membuat pembayaran balik apabila kedudukan kewangannya stabil.

Pembayaran gaji kepada kakitangan Syarikat II yang juga merupakan kakitangan MPN pada ketika itu dibuat bagi kelancaran operasi syarikat.

Pendapat Audit **Pembiayaan operasi dan penyaluran dana MPN yang diterima daripada Kerajaan kepada dua syarikat bukan subsidiari MPN adalah bercanggah dengan Artikel Pertubuhan kerana dibuat tanpa kelulusan LPA. Tindakan tersebut dilihat tidak mengikut tatakelola pengurusan perbelanjaan bagi peruntukan dana yang diluluskan. Ahli LPA syarikat MPN juga gagal untuk mengisyiharkan kepentingan mereka dalam dua syarikat yang dimaksudkan.**

Pembayaran Honorarium Felo Penyelidik 26. Mesyuarat Ahli LPA Bil. 1/2022 pada 26 Julai 2022 membincangkan pelantikan felo dan cadangan pelaksanaannya melalui merit kerja serta sumbangan dalam masyarakat. LPA telah bersetuju agar pelantikan tersebut dilaksanakan secara pentadbiran dengan terma rujukan perlu disediakan dengan jelas dan diputuskan kemudian.

27. Semakan Audit mendapati walaupun terma rujukan felo telah disediakan, **terma dan syarat perkhidmatan tidak menerangkan secara terperinci tugas dan skop kerja sebagai felo serta tidak dibawa ke mesyuarat ahli LPA untuk kelulusan.**

28. Semakan Audit juga mendapati **surat tawaran kepada dua felo berkuat kuasa pada 1 April 2022 ialah lebih awal berbanding keputusan ahli LPA pada 26 Julai 2022**. Perkara ini menyebabkan **pembayaran berjumlah RM44,000 yang dibuat sebelum kelulusan LPA tidak teratur**.

29. Bagi tempoh Februari 2022 hingga 31 Januari 2024 didapati **pembayaran honorarium kepada lima felo berjumlah RM399,000 dibuat tanpa kelulusan ahli LPA**. Selain itu, **prestasi felo tidak dapat dinilai kerana tiada penetapan sasaran dan pencapaian skop kerja**.

Maklum balas MPN Draf garis panduan, terma rujukan dan skop kerja felo telah dibentang dalam mesyuarat ahli LPA pada 29 April 2024. Selain itu, mesyuarat memutuskan supaya Sekretariat MPN membuat penambahan dan pemurnian sewajarnya kepada draf garis panduan berkenaan dan mengedarkan kepada ahli LPA melalui e-mel untuk pertimbangan selanjutnya. MPN akan memastikan setiap pelantikan mematuhi garis panduan yang akan ditetapkan serta diluluskan oleh ahli LPA sebelum pembayaran dibuat.

Pendapat Audit **Perbelanjaan honorarium kepada felo MPN adalah tidak teratur kerana terma rujukan dan pembayaran honorarium tidak mendapat kelulusan ahli LPA serta skop dan tugas felo tidak dinyatakan dengan jelas.**

Pemasangan Lif dan Pengubahsuaian di Pejabat MPN 30. Mesyuarat Ahli LPA Bil. 1/2022 bertarikh 26 Julai 2022 membincangkan keperluan pemasangan lif di pejabat MPN dengan kos pemasangan ditanggung oleh pemilik premis. Pemilik premis bersetuju untuk membayai kos tersebut dengan syarat kadar sewaan pejabat dinaikkan daripada RM12,500 kepada RM16,000 sebulan. Ahli LPA memutuskan tiada keperluan mendesak bagi tujuan pemasangan lif seperti yang dicadangkan. Bagaimanapun, lif telah dipasang pada April 2023 tanpa kelulusan ahli LPA.


31. Perjanjian sewaan bagi tempoh 1 November 2022 hingga 31 Oktober 2024 menetapkan kadar bayaran bulanan pejabat operasi MPN berjumlah RM20,000 meliputi bayaran sewaan sebanyak RM18,000 dan penyelenggaraan RM2,000. Peningkatan kadar sewaan pejabat ini disebabkan oleh pemasangan lif dan pengubahsuaian pejabat seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

Gambar 3



Pejabat MPN
- Pemasangan lif
(29.02.2024)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Gambar 4



Pejabat MPN
- Penambahan ruang kerja di aras 1
(29.02.2024)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

32. Semakan Audit mendapati **pengubahsuaian pejabat ini tidak dibincangkan dalam mesyuarat ahli LPA dan pemasangan lif bercanggah dengan keputusan ahli LPA**. Perkara ini menyebabkan **kadar sewaan pejabat meningkat sebanyak RM5,500 sebulan dan memberi implikasi kewangan berjumlah RM82,500 bagi tempoh November 2022 hingga Januari 2024**. Lawatan Audit pada 29 Februari 2024 mendapati pengubahsuaian ruang pejabat digunakan untuk menempatkan kakitangan Syarikat I dan bukannya kakitangan MPN.

Maklum balas MPN Perbincangan awal dalam pengubahsuaian pejabat tidak dimaklumkan dalam mesyuarat ahli LPA. MPN mengakui gagal dalam rundingan awal tentang pemasangan lif dan pengubahsuaian pejabat kerana semasa proses pembaharuan perjanjian sewaan premis, pihak pemilik premis telah menetapkan kenaikan kadar sewa yang baharu.

Pendapat Audit **Pengurusan pemasangan lif dan pengubahsuaian pejabat MPN tidak teratur kerana tiada kelulusan dan bercanggah dengan keputusan ahli LPA. Tiada penelitian dan penilaian lanjut dibincang berhubung dengan kadar sewa yang telah dinaikkan sebanyak RM5,500 sebulan memberi implikasi kewangan yang tinggi dan membebankan MPN.**

Penyelaras Gaji Pengurusan Tertinggi MPN 33. Seksyen 212 yang dibaca bersama Jadual Ketiga perenggan 24 Akta 777 menetapkan saraan, gaji dan komisen Pengarah Urusan tertakluk kepada terma yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Manual Skim Perkhidmatan MPN yang diluluskan pada 26 Julai 2022 menetapkan skala gaji bagi jawatan kumpulan pengurusan tertinggi ditentukan oleh ahli LPA.

34. Semakan Audit mendapati **penetapan kadar kenaikan gaji tahunan pengurusan tertinggi tidak diluluskan oleh ahli LPA dan jadual penyelarasan gaji tahun 2022 serta 2023 hanya diluluskan oleh Presiden/KPE dan diperakui oleh Pengerusi MPN**. Penyelarasan gaji ini melibatkan kenaikan gaji tahunan sebanyak 10% daripada gaji pokok pengurusan tertinggi.

35. **Sejumlah RM62,500 telah dibayar bagi tempoh April 2022 hingga Januari 2024 tanpa kelulusan LPA kepada Presiden/KPE dan Ketua Pegawai Operasi masing-masing berjumlah RM46,000 dan RM16,500.**

Maklum balas MPN Penetapan kadar kenaikan gaji telah dibawa dalam Mesyuarat Ahli LPA Bil. 3/2023 namun tidak dibincangkan secara menyeluruh. MPN akan membawa semula permohonan ini agar penetapan dan pelarasaran gaji pengurusan tertinggi akan dibuat mengikut kesesuaian dan kedudukan semasa kewangan MPN.

Pendapat Audit **Pembayaran kenaikan gaji pengurusan tertinggi MPN adalah tidak teratur kerana kadar kenaikan gaji tahunan tidak mendapat kelulusan ahli LPA. Kenaikan gaji ini mengakibatkan implikasi kewangan yang tinggi dan membebankan MPN.**

Pembayaran Elaun kepada Presiden/KPE 36. Perenggan 31.1 dan 31.2, Manual Skim Perkhidmatan MPN menetapkan pembayaran elaun kepada sekretariat dibuat berdasarkan kemampuan syarikat. Pengurusan tertinggi MPN menerima elaun telefon, minyak petrol dan sara hidup masing-masing berjumlah RM400 sebulan.

37. Semakan Audit mendapati **pembayaran elaun tetap kepada Presiden/KPE dengan kadar RM3,000 sebulan bagi tempoh 22 bulan (April 2022 hingga Januari 2024) berjumlah RM66,000 dibuat tanpa kelulusan ahli LPA**.

Maklum balas MPN Pembayaran elaun tetap yang dibayar kepada Presiden/KPE MPN berasaskan gred gaji yang dipersetujui bagi jawatan itu. MPN akan membuat pindaan terhadap Manual Skim Perkhidmatan serta mendapatkan kelulusan dalam mesyuarat ahli LPA yang akan dibuat pada Jun 2024.

Pendapat Audit

Pembayaran elaun kepada Presiden/KPE adalah tidak teratur kerana tidak selaras dengan Manual Skim Perkhidmatan MPN dan tidak mendapat kelulusan ahli LPA.

Setiausaha Syarikat

38. Seksyen 236 Akta 777 menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha Syarikat serta menentukan terma dan syarat bagi pelantikan itu. Menurut Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) amalan 1.4, Setiausaha Syarikat berperanan untuk menasihati, memantau perkembangan tadbir urus korporat dan membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tadbir urus untuk memenuhi keperluan Lembaga Pengarah dan jangkaan pihak berkepentingan.

39. Setiausaha Syarikat didapati tidak memainkan peranannya menasihati MPN dalam perkara seperti berikut:

- a. **proses pembubaran syarikat yang berkuat kuasa serta-merta pada 23 Mei 2018** seperti yang diarahkan oleh Ketua Setiausaha Negara dalam surat bertarikh 24 Mei 2018 kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM dan disalinkan kepada Presiden/KPE MPN;
 - b. **pelantikan keahlian LPA agar selaras dengan Artikel 10.1, Artikel Pertubuhan;**
 - c. **pembayaran elaun tetap bulanan** kepada Pengurus dan Timbalan Pengurus masing-masing berjumlah RM5,000 dan RM4,000 yang **tidak selaras dengan Artikel 11, Artikel Pertubuhan;** dan
 - d. **memperakukan penubuhan dua syarikat persendirian yang mana dimaklumkan kepada ahli LPA sebagai syarikat subsidiari MPN** berdasarkan Minit Mesyuarat Ahli LPA Bil. 1/2022 bertarikh 26 Julai 2022 tetapi sebenarnya merupakan syarikat persendirian yang tiada kaitan dengan MPN kecuali pegangan saham oleh Setiausaha Agung/KPE MPN, Mantan Timbalan KPE MPN, seorang kakitangan MPN dan bekas kakitangan MPN.
-

Maklum balas MPN	<p>Setiausaha Syarikat telah mengadakan beberapa sesi perbincangan bersama pihak YAB Perdana Menteri dan JPM berkaitan pembubaran MPN, namun tidak mendapat maklum balas.</p> <p>Setiausaha Syarikat akan memastikan MPN membuat pelantikan keahlian LPA selaras dengan Artikel 10.1, Artikel Pertubuhan.</p> <p>Setiausaha Syarikat telah membuat pindaan berkaitan pembayaran elaun kepada ahli LPA dan masih menunggu kelulusan daripada pihak berkenaan.</p>
Pendapat Audit	Elemen tadbir urus korporat berhubung Setiausaha Syarikat adalah tidak memuaskan kerana Setiausaha Syarikat tidak menjalankan peranan dan tanggungjawab yang sewajarnya dalam menasihati bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran MPN selaras dengan Artikel Pertubuhan.
Ketua Pegawai Eksekutif	<p>40. Seksyen 212 yang dibaca bersama Jadual Ketiga perenggan 22 Akta 777 menetapkan Lembaga Pengarah boleh melantik seorang Pengarah Urusan bagi suatu tempoh dan menentukan terma pelantikan serta membatalkan pelantikan tersebut.</p> <p>41. Semakan Audit mendapati penyambungan kontrak jawatan Presiden/KPE selepas 31 Disember 2020 dan penyambungan jawatan bertarikh 28 Februari 2022 tidak dibawa ke mesyuarat ahli LPA untuk kelulusan.</p>
Maklum balas MPN	MPN mengakui proses pelantikan Presiden/KPE tidak mengikuti prosedur dan akan memastikan perkara ini tidak berulang.
Pendapat Audit	Elemen tadbir urus korporat berhubung KPE adalah tidak memuaskan kerana pelantikan Presiden/KPE tidak mendapat kelulusan ahli LPA.

- Pengurusan Geran yang Diterima**
42. Sebagai sebuah syarikat yang tidak berasaskan keuntungan, sumber pendapatan MPN hanya melalui peruntukan geran daripada Kerajaan. MPN telah menerima peruntukan geran berjumlah RM28.06 juta sejak tahun 2015 hingga 2018. Pada tahun 2019 hingga 2021, tiada sebarang peruntukan geran diterima kerana MPN telah dikeluarkan daripada agensi di bawah seliaan JPM. Bagaimanapun setelah diiktiraf semula sebagai kumpulan pemikir Kerajaan, MPN telah menerima peruntukan geran pada tahun 2022 dan 2023 masing-masing berjumlah RM3.38 juta dan RM4.40 juta. Jumlah penerimaan geran mengurus bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 serta 2022 dan 2023 berjumlah RM35.84 juta.
43. Pada tahun 2019 hingga 2021, MPN telah membelanjakan sejumlah RM3.63 juta untuk menampung kos operasi syarikat dengan pembiayaan sendiri. MPN memaklumkan pembiayaan tersebut menggunakan sumber penebusan deposit tetap, pemulangan lebihan dana yang disalurkan kepada kluster dan chapter, sumbangan daripada pelbagai pihak serta wang pendahuluan daripada Presiden/KPE MPN.
44. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2022 dan 2023, MPN telah membelanjakan sejumlah RM6.34 juta (81.5%) daripada RM7.78 juta geran yang diterima seperti dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Geran Yang Diterima Dan Dibelanjakan Bagi Tempoh Tahun 2022 Dan 2023

TAHUN	GERAN		PENGUNAAN GERAN (%)	LEBIHAN/(KURANGAN) GERAN (RM Juta)
	DITERIMA (RM Juta)	DIBELANJAKAN (RM Juta)		
2022	3.38	2.91	86.1	0.47
2023	4.40	3.43	78.0	0.97
JUMLAH	7.78	6.34	81.5	1.44

Sumber: Arahan Pembayaran JPM dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan MPN

- Maklum balas MPN** Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, kebanyakan aktiviti MPN melibatkan program advokasi bersama rakyat melalui Program Turun Padang meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Oleh itu, banyak perbelanjaan dibuat bagi menyediakan peruntukan kepada daerah pedalaman untuk program pembangunan sosial dan komuniti setempat.

- Kehilangan Wang Awam** 45. Subseksyen 245 (1) Akta 777 menyatakan syarikat hendaklah menyimpan rekod perakaunan secukupnya bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang tepat dan pengauditan dapat dilaksanakan dengan mudah.

46. Semakan Audit mendapati penyata kewangan MPN telah menerima Sijil Berteguran bagi tahun 2019 dan 2020. Sijil Berteguran dikeluarkan bagi Penyata Kewangan Tahun 2019 disebabkan geran tertunda berjumlah RM2.43 juta dan akaun belum bayar lain berjumlah RM23,088 tidak dapat disahkan kerana kehilangan dokumen sokongan. Penyata Kewangan Tahun 2020 pula menerima Sijil Berteguran disebabkan pengiktirafan geran tertunda bernilai RM2.43 juta dan akaun belum bayar lain berjumlah RM89,782 tidak dapat disahkan juga disebabkan ketiadaan dokumen sokongan yang berkaitan.

47. Semakan Audit mendapati RM2.43 juta geran tertunda yang diiktiraf sebagai hasil pada tahun 2020 merupakan baki geran Kerajaan yang diterima pada tahun 2017 berjumlah RM11.84 juta.

Pihak MPN telah mengiktiraf geran tertunda tersebut sebagai hasil pada tahun 2020 untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan oleh pihak juruaudit luar dalam Penyata Kewangan Tahun 2019. Bagaimanapun, pihak juruaudit luar tidak dapat mengesahkan sebarang perbelanjaan yang dibuat menggunakan geran tertunda ini.

48. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Tahun 2019 mendapati **baki akhir tunai dan bank serta baki deposit tetap MPN berjumlah RM1.11 juta masih tidak mencukupi untuk menampung jumlah geran tertunda tersebut**. MPN telah menyelesaikan RM89,782 akaun belum bayar lain sebagai pendapatan lain dalam Penyata Kewangan Tahun 2021. Semakan Audit mendapati **penyelaras geran tertunda dan akaun belum bayar lain sebagai hasil MPN tidak mendapat kelulusan ahli LPA**.

Maklum balas MPN Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2017, jumlah geran tertunda yang dinyatakan ialah RM2.43 juta dan baki di bank berjumlah RM1.65 juta. Perbezaan sebanyak RM0.78 juta telah dibelanjakan dan tiada simpanan rekod perbelanjaan. Memandangkan tahun 2018 terdapat perubahan dan peralihan pegawai kewangan, pegawai ganti tiada akses kepada maklumat kewangan tahun 2017. MPN mengakui kelemahan dalam simpanan rekod kewangan MPN dan penambahbaikan akan dibuat secara berperingkat pada masa akan datang.

Perbelanjaan Tidak Mengikut Tujuan Geran Diluluskan	49. Pada tahun 2022 dan 2023, MPN telah menerima geran mengurus masing-masing berjumlah RM3.38 juta dan RM4.40 juta seperti dalam Jadual 3 .
--	---

Jadual 3: Permohonan Dan Kelulusan Peruntukan Mengurus Bagi Tahun 2022 Dan 2023

BIL.	JENIS PERBELANJAAN	JUMLAH PERMOHONAN (RM Juta)	JUMLAH DILULUSKAN (RM Juta)
TAHUN 2022			
1.	EMOLUMEN DAN KEMUDAHAN		
	Gaji dan Upahan	1.08	1.08
	Perhubungan dan Utiliti	0.52	0.52
	Sewaan Pejabat, Peralatan dan lain-lain	0.18	0.18
	Pengangkutan, Hotel dan lain-lain	0.25	0.25
	JUMLAH (a)	2.03	2.03
2.	KOS OPERASI		
	a) Sekretariat Kecil, Kajian dan Bahan, Perbincangan, Round Table Discussion		
	(i) 10 Program melibatkan Perbincangan, Round Table Discussion, Jaringan dan Pengantarabangsaan	0.88	0.88
	(ii) Penerbitan	0.10	0.10
	b) Dana Peruntukan bagi Kluster dan Universiti Chapter		
	(i) Penyaluran Dana kepada 9 Kluster	0.13	0.13
	(ii) Program Khas	0.03	0.03
	(iii) 20 Chapter Universiti Awam dan 1 Universiti Swasta	0.21	0.21
	JUMLAH (b)	1.35	1.35
	JUMLAH KESELURUHAN (a+b)	3.38	3.38
TAHUN 2023			
1.	Emolumen	1.84	
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	7.54	4.40
3.	Aset	0.35	
	JUMLAH KESELURUHAN	9.73	4.40

Sumber: Surat Permohonan Penyaluran Bajet MPN dan Arahan Pembayaran JPM

50. Pada tahun 2022 dan 2023, MPN telah membelanjakan masing-masing sejumlah RM2.91 juta (86.1%) dan RM3.43 juta (78%) berbanding peruntukan yang diterima seperti dalam **Jadual 2**. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut, didapati **sejumlah RM0.67 juta (23%) dan RM254,391 (7.4%) masing-masing pada tahun 2022 dan 2023 telah dibelanjakan tidak mengikut tujuan geran yang diluluskan** seperti dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Perbelanjaan Tidak Mengikut Tujuan Geran Diluluskan

BIL.	JENIS PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
TAHUN 2022		
1.	Bayaran tunggakan operasi MPN tahun 2018 hingga 2021	212,453
2.	Bayaran tunggakan gaji dan honorarium Presiden/KPE bagi tahun 2020 dan 2021	120,000
3.	Bayaran eluan tetap Pengurus dan Timbalan Pengurus MPN bagi tahun 2022	90,000
4.	Bayaran gaji pekerja Syarikat I bagi tahun 2022	20,584
5.	Bayaran balik wang pendahuluan kepada Presiden/KPE bagi tahun 2021	222,726
JUMLAH		665,763
TAHUN 2023		
1.	Pembayaran eluan tetap Pengurus dan Timbalan Pengurus MPN	108,000
2.	Pembentangan operasi dan aktiviti Syarikat I	146,391
JUMLAH		254,391

Sumber: Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan Baucar Bayaran MPN

51. Selain itu, bayaran balik wang pendahuluan kepada Presiden/KPE berjumlah RM297,726 telah dibuat melalui tiga baucar bayaran bernombor 2022/03/0008, 2022/03/0009 dan 2022/03/0010 bertarikh 1 Mac 2022. Bagaimanapun, **baucar bayaran tersebut tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. Sejumlah RM222,726 daripada jumlah tersebut ialah perbelanjaan tidak mengikut tujuan geran diluluskan** seperti dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Butiran Perbelanjaan Wang Pendahuluan Daripada Presiden/KPE

BIL.	PERIHAL	TARIKH/BULAN	JUMLAH (RM)
1.	Penyaluran wang ke akaun MPN bagi tujuan perbelanjaan operasi tahun 2021	22.01.2021	50,000
		01.03.2021	50,000
		04.03.2021	3,500
		28.12.2021	50,000
JUMLAH			153,500
2.	Bayaran tunggakan kad kredit korporat MPN	04.08.2021	5,000
		04.08.2021	10,000
		05.08.2021	10,000
		06.08.2021	8,390
JUMLAH			33,390
3.	Bayaran sewa bulanan pejabat operasi MPN secara tunai	Mei - Ogos 2021	28,000
		November 2021	7,000
JUMLAH			35,000
4.	Bayaran perkhidmatan internet	September 2021	836
JUMLAH			836
JUMLAH KESELURUHAN			222,726

Sumber: Kertas Makluman Perakuan Penerimaan Wang Peribadi bagi Tujuan Pengoperasian dan bayaran Kad Kredit MPN, Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan Penyata Bank MPN

52. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Penyaluran wang berjumlah RM153,500 telah diterima oleh MPN dan dibelanjakan bagi tujuan operasi tahun 2021.
- b. **Tunggakan kad kredit korporat MPN berjumlah RM33,390** telah dibayar oleh Presiden/KPE pada Ogos 2021 kepada pengeluar kad kredit. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan tujuan perbelanjaan tersebut atas tujuan rasmi kerana penyata kad kredit dan dokumen sokongan tidak dikemukakan.**
- c. Pembayaran sewa pejabat berjumlah RM35,000 pada tahun 2021 telah dibuat oleh Presiden/KPE secara tunai kepada pemilik premis tanpa melalui akaun MPN. MPN memaklumkan perakuan terimaan dikeluarkan oleh pemilik premis pada tahun 2023.
- d. Pembayaran perkhidmatan internet berjumlah RM836 telah dibuat oleh Presiden/KPE pada 1 September 2021.

Maklum balas MPN MPN mengambil maklum bahawa terdapat pembayaran wang yang dibelanjakan tanpa kelulusan pada tahun 2022 dan 2023. MPN bersetuju untuk memastikan permohonan dana yang dibelanjakan mengikut keperluan permohonan peruntukan yang telah diluluskan oleh JPM bagi memastikan peruntukan tersebut disalurkan secara lebih berhemat.

Unit Kewangan tidak menerima sebarang dokumen sokongan untuk tujuan pembayaran kad kredit korporat MPN. Pada ketika itu (Ogos 2021), MPN masih lagi beroperasi bersendirian dan semua urusan perbelanjaan ditanggung sendiri oleh Presiden/KPE. MPN tidak mempunyai pasukan Unit Kewangan yang sempurna, justeru dokumentasi tidak terurus.

Peruntukan Tidak Digenakan	53. Semakan Audit mendapati sejumlah RM475,000 peruntukan yang diterima tidak digunakan untuk perbelanjaan berkaitan penerbitan (RM100,000), penyaluran dana kepada kluster (RM135,000), chapter (RM210,000) dan program khas (RM30,000).
-----------------------------------	--

Maklum balas MPN	Peruntukan yang telah diluluskan berjumlah RM475,000 masih ada dalam simpanan akaun MPN berdasarkan baki tunai dan bank di Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2022 iaitu RM606,160. Penyaluran tidak dibuat pada tahun tersebut kerana MPN masih dalam proses penstrukturran dan pelantikan kluster dan chapter universiti dan semua program dipusatkan di sekretariat induk.
Pendapat Audit	Secara keseluruhannya, pengurusan geran mengurus MPN adalah tidak telus dan tidak cekap. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, perbelanjaan MPN melebihi peruntukan geran yang diterima manakala bagi tempoh tahun 2022 dan 2023 terdapat perbelanjaan tanpa kelulusan dan peruntukan yang tidak digunakan. Di samping itu, penyelaras geran tertunda dan akaun belum bayar lain sebagai hasil tanpa dokument sokongan memberi gambaran berlaku kecuaian yang menyebabkan ketirisan wang awam. Terdapat perbelanjaan yang dibuat oleh MPN tidak disokong dengan sebarang dokument bagi maksud pembuktian terhadap perbelanjaan yang dibuat.
Pengurusan Kad Kredit Korporat	<p>54. Presiden/KPE merupakan pentadbir utama yang bertanggungjawab sepenuhnya atas keseluruhan pengurusan kewangan dan perakaunan berkaitan kad kredit korporat MPN.</p> <p>55. Prosedur Operasi Standard Versi 1 antaranya menetapkan invois perlu disemak dengan penyata kad kredit korporat untuk mengesahkan jumlah yang perlu dibayar sebelum kelulusan bayaran oleh Presiden/KPE diperoleh. Setelah mendapat kelulusan, baucar bayaran dan cek perlu disediakan bagi tujuan pembayaran kepada pengeluar kad.</p> <p>56. Mesyuarat Ahli LPA MPN Bil. 1/2022 bertarikh 26 Julai 2022 menetapkan antaranya kad kredit korporat digunakan untuk perbelanjaan urusan rasmi dengan kadar perbelanjaan yang paling menjimatkan. Perbelanjaan yang dibuat perlu disertakan resit asal termasuk dokument sokongan yang mengandungi butiran lengkap. Had kad kredit korporat ialah RM3,000 hingga RM10,000.</p> <p>57. Semakan Audit mendapati penggunaan kad kredit korporat oleh Pengerusi dan Presiden/KPE bagi tahun 2021 dan 2023 masing-masing berjumlah RM5,271 dan RM92,805 telah dibayar kepada pengeluar kad tanpa bukti semakan, kelulusan dan tiada baucar bayaran disediakan.</p>

58. Perbelanjaan kad kredit korporat oleh Presiden/KPE melebihi had kelayakan pada Mei dan Julai 2023 masing-masing berjumlah RM12,519 dan RM22,624 kerana pembiayaan aktiviti yang dilaksanakan oleh MPN.

59. Penggunaan kad kredit korporat MPN bukan atas tujuan rasmi oleh Pengerusi dan Presiden/KPE masing-masing berjumlah RM27,408 dan RM5,523 pada tahun 2023. Bagaimanapun didapati hanya Pengerusi telah membuat bayaran balik pada 21 Disember 2023 berjumlah RM2,000 bagi perbelanjaan bukan rasmi yang telah digunakan.

Maklum balas MPN	Dokumen sokongan dan maklumat lengkap berkaitan penggunaan kad kredit korporat MPN akan dikemukakan oleh kedua-dua pemegang kad kredit korporat kepada Unit Kewangan MPN. MPN akan membuat penambahbaikan terhadap had penggunaan kad kredit korporat MPN dan memastikan penggunaannya mengikut SOP yang ditetapkan. Perbelanjaan kad kredit korporat bukan atas tujuan rasmi MPN akan dituntut semula berjumlah RM32,931. Perkhidmatan kad kredit korporat MPN telah ditamatkan oleh pihak pemberi perkhidmatan pada 6 Mac 2024.
Pendapat Audit	Pengurusan kad kredit korporat adalah tidak cekap dan tidak teratur kerana didapati kad kredit digunakan bagi tujuan tidak rasmi dan tidak mengikut SOP yang ditetapkan.
Prosedur Panjar Wang Runcit	<p>60. Prosedur Operasi Standard Versi 1 menetapkan bagi pengurusan pembayaran panjar wang runcit, Penolong Pengurus hendaklah memastikan resit pembelian tidak melebihi RM200 dan baucar panjar wang runcit disediakan. Baucar tersebut hendaklah disemak oleh Penolong Pengurus dan diluluskan oleh Ketua Pegawai Operasi sebelum proses pembayaran dilaksanakan.</p> <p>61. Semakan Audit mendapati sebanyak 230 baucar panjar wang runcit bernilai RM48,102 telah dikeluarkan bagi tempoh tahun 2021 hingga 2023 dan tiada bukti semakan serta kelulusan bagi setiap pembayaran yang dibuat.</p> <p>62. Selain itu, sebanyak 60 tuntutan resit perbelanjaan berjumlah RM32,622 bagi tempoh yang sama telah dibuat pembayaran walaupun melebihi kadar maksimum yang ditetapkan RM200 seperti dalam Jadual 6.</p>

Jadual 6: Pembayaran Melebihi Kadar Ditetapkan Bagi Tempoh Tahun 2021 Hingga 2023

BULAN	TAHUN						JUMLAH KESELURUHAN	
	2021		2022		2023			
	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	BAUCAR	RM
Januari	-	-	1	500	2	960	3	1,460
Februari	1	800	3	2,120	3	1,799	7	4,719
Mac	-	-	2	1,005	-	-	2	1,005
April	2	2,400	2	1,400	4	1,979	8	5,779
Mei	-	-	2	810	5	2,239	7	3,049
Jun	1	500	3	1,689	2	1,022	6	3,211
Julai	-	-	1	264	1	700	2	964
Ogos	-	-	3	1,292	3	1,244	6	2,536
September	-	-	4	1,682	2	970	6	2,652
Oktober	-	-	1	700	4	1,972	5	2,672
November	-	-	1	700	2	1,170	3	1,870
Disember	1	373*	2	1,400	2	932	5	2,705
JUMLAH	5	4,073	25	13,562	30	14,987	60	32,622

Sumber: Baucar Panjar Wang Runcit MPN

Nota: (*) - Pembayaran tanpa resit

**Maklum balas
MPN**

Unit Kewangan akan memastikan pengurusan wang panjar yang lebih efektif pada masa akan datang. MPN telah mengemas kini SOP wang panjar dan akan dibentangkan dalam mesyuarat ahli LPA pada Jun 2024.

Pendapat Audit

Pengurusan panjar wang runcit adalah tidak teratur kerana setiap baucar yang dikeluarkan tidak mengikut SOP yang ditetapkan.

**Prosedur Aktiviti
dan Program**

63. Prosedur Operasi Standard Versi 1 menetapkan bagi setiap penganjuran aktiviti/program di MPN hendaklah mempunyai tujuan diadakan; penetapan jawatankuasa, tarikh, tema dan jemputan; pembahagian tugas; implikasi kewangan dan laporan selepas program diadakan.

64. Tiada sebarang aktiviti yang dilaksanakan oleh MPN pada tahun 2021 kerana tiada peruntukan diterima daripada Kerajaan dan operasi syarikat dihentikan. Sebanyak 139 program/aktiviti telah diadakan iaitu masing-masing sebanyak 60 pada tahun 2022 dan 79 pada tahun 2023 melibatkan perbelanjaan berjumlah RM323,477.

65. Sebanyak 17 (12.2%) daripada 139 program/aktiviti telah dipilih sebagai sampel Audit. Daripada bilangan tersebut, **prestasi perbelanjaan bagi 14 (82.4%) program/aktiviti berjumlah RM154,404 tidak dapat ditentukan kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan semasa pengauditan.**

66. **Sebanyak enam (35.3%) daripada 17 program/aktiviti pula tidak mempunyai output/laporan aktiviti selepas dilaksanakan.**

67. Berdasarkan sampel yang disemak, **semua aktiviti yang dilaksanakan tidak selaras dengan objektif penubuhan MPN dalam Artikel Pertubuhan pindaan bertarikh 26 Ogos 2019.**

Prosedur Wang Pendahuluan

68. Wang pendahuluan berjumlah RM20,000 dibayar kepada Presiden/KPE pada November 2022 untuk perbelanjaan Program Tinjauan Sosioekonomi dan Politik. Bagaimanapun, **resit/dokumen sokongan bagi perbelanjaan tersebut serta output/laporan aktiviti tidak dikemukakan semasa pengauditan menyebabkan status pelaksanaan program tidak dapat disahkan.**

Maklum balas MPN

Unit Kewangan akan memastikan semua aktiviti perlu menyediakan kertas cadangan sebelum pelaksanaan.

Peranan dan fungsi MPN sejak penubuhannya kekal seperti asal kecuali ketika MPN mahu mendapatkan pengecualian daripada cukai dengan objektif dipinda bagi memenuhi kehendak LHDN. Bagaimanapun, MPN tetap dengan objektif asal penubuhan sehingga hari ini.

Unit Kewangan akan membuat tuntutan semula wang pendahuluan yang diberikan sekiranya tiada dokumen sokongan seperti resit pembayaran atau perakuan terima wang tunai untuk perbelanjaan program.

Pendapat Audit

Prosedur pelaksanaan aktiviti dan wang pendahuluan adalah tidak teratur kerana tidak mengikut SOP yang ditetapkan dan aktiviti yang dilaksanakan tidak dapat disahkan kerana tiada apa-apa laporan dan maklumat yang diperoleh.

Pelan Strategik Perniagaan dan Petunjuk Prestasi Utama	<p>69. MCCG 2021 amalan 1.1, panduan G1.1 dan MKD Handbook perenggan 2.2 (b) menyatakan antara tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan yang mantap dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan.</p> <p>70. Semakan Audit mendapati Pelan Strategik MPN tidak disediakan.</p> <p>71. Amalan terbaik dalam Green Book bahagian 1 perenggan 3.2 dan MKD Handbook, perenggan 3.33 hingga 3.35 menyarankan peranan Lembaga Pengarah untuk memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.</p> <p>72. Semakan Audit mendapati MPN tidak menyediakan sasaran dan pencapaian KPI tahunan bagi operasi syarikatnya. Ketiadaan sasaran dan pencapaian syarikat menyebabkan LPA tidak dapat mengukur serta memantau pencapaian syarikat mengikut perancangan yang ditetapkan.</p>
Maklum balas MPN	MPN telah menyediakan pelan strategik jangka panjang dan jangka pendek serta KPI tahunan. Perkara ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Ahli LPA Bil. 1/2024 pada 29 April 2024.
Pendapat Audit	Elemen tadbir urus korporat berhubung Pelan Strategik Perniagaan dan KPI adalah tidak memuaskan kerana tiada sebarang penetapan KPI dibuat bagi tujuan penyediaan pelan strategik.
Jawatankuasa Audit	<p>73. MKD Handbook perenggan 2.2 (c) (i), menetapkan Lembaga Pengarah bertanggungjawab menuju Jawatankuasa Audit (JKA) untuk memastikan pengauditan berkala dan perancangan pelan audit dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam sebagai langkah kawalan dalaman dan pemantauan terhadap aspek pengurusan kewangan dan operasi syarikat.</p> <p>74. JKA telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Ahli LPA Bil. 3/2023 bertarikh 28 Disember 2023 yang dianggotai oleh seorang pengurus dan dua ahli. Bagaimanapun, setakat 29 Februari 2024, surat lantikan ahli JKA dan terma rujukan masih dalam proses penyediaan dan JKA juga masih belum bersidang.</p>

75. MCCG 2021 amalan 9.5 menetapkan kesemua ahli JKA hendaklah mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan termasuk proses pelaporan penyata kewangan. Semakan Audit mendapati **kesemua ahli JKA tidak mempunyai latar belakang dalam bidang kewangan.**

Maklum balas MPN	Surat lantikan ahli JKA masih belum dikeluarkan. Pelantikan seorang ahli JKA yang berlatar belakang kewangan telah dilaksanakan dalam mesyuarat ahli LPA pada 29 April 2024.
Pendapat Audit	Elemen tadbir urus korporat berhubung JKA adalah tidak memuaskan kerana ahli JKA tidak mempunyai latar belakang dalam bidang kewangan dan terma rujukan masih belum disediakan bagi tujuan mewujudkan panduan pengurusan tatakelola yang baik.
Audit Dalam	76. Menurut MCCG 2021 amalan 11.1, Audit Dalam merupakan sumber nasihat yang penting bagi JKA untuk mengenal pasti kelemahan dalam proses dalaman dan memudahkan langkah pemulihian. Semakan Audit mendapati MPN tidak menubuhkan Audit Dalam.
Maklum balas MPN	Mesyuarat Ahli LPA Bil. 1/2024 pada 29 April 2024 menetapkan Unit Audit Dalam MPN perlu diwujudkan di kalangan Sekretariat MPN. Seorang kakitangan MPN diamanahkan untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab Audit Dalam MPN.
Pendapat Audit	Elemen tadbir urus korporat berhubung Audit Dalam adalah lemah kerana tidak ditubuhkan. Perkara ini menyebabkan pemeriksaan dan kawalan secara dalaman yang berkesan tidak dilaksanakan.
Kedudukan Kewangan	77. Analisis Audit terhadap penyata kewangan beraudit MPN mendapati MPN mencatat lebihan sebelum cukai bagi tahun 2020 dan 2022 masing-masing berjumlah RM1.24 juta dan RM1.12 juta. Pada tahun 2021 pula, MPN merekodkan kurangan sebelum cukai berjumlah RM407,819 kerana tiada sebarang peruntukan diterima daripada Kerajaan. Lebihan selepas cukai pada tahun 2022 memberi kesan kepada penurunan kurangan terkumpul pada tahun 2022 berjumlah RM0.88 juta. Butiran terperinci adalah seperti dalam Jadual 7 .

Jadual 7: Kedudukan Kewangan MPN Bagi Tahun 2020 Hingga 2022

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Pendapatan	2.43	-	3.38
Pendapatan Lain	*	0.09	*
JUMLAH PENDAPATAN	2.43	0.09	3.38
Perbelanjaan Pentadbiran	1.19	0.50	2.26
JUMLAH PERBELANJAAN	1.19	0.50	2.26
LEBIHAN/ (KURANGAN) SEBELUM CUKAI	1.24	(0.41)	1.12
Cukai	-	-	-
LEBIHAN/ (KURANGAN) SELEPAS CUKAI	1.24	(0.41)	1.12
(KURANGAN TERKUMPUL)	(1.59)	(2.00)	(0.88)
Aset Bukan Semasa	0.05	0.03	0.19
Aset Semasa	0.35	0.27	0.97
JUMLAH ASET	0.40	0.30	1.16
JUMLAH LIABILITI	0.49	0.79	0.54
JUMLAH EKUITI	(0.09)	(0.49)	0.62
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	0.40	0.30	1.16
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	0.13	0.02	0.61

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2020, 2021 dan 2022

Nota: (*) Pendapatan lain hanya berjumlah RM7,717 (tahun 2020) dan RM929 (tahun 2022)

78. Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, jumlah pendapatan MPN menunjukkan trend penurunan dan peningkatan. Pada tahun 2021, jumlah pendapatan menunjukkan penurunan sejumlah RM2.34 juta (96.3%) kepada RM0.09 juta berbanding tahun 2020 manakala peningkatan semula pada tahun 2022 berjumlah RM3.29 juta (3,655.5%). Peningkatan ketara dicatatkan pada tahun 2022 disebabkan oleh penerimaan semula geran.

79. Jumlah perbelanjaan MPN mencatatkan trend menurun daripada RM1.19 juta pada tahun 2020 kepada RM0.50 juta pada tahun 2021 dan meningkat semula kepada RM2.26 juta pada tahun 2022 antaranya disebabkan pelaksanaan aktiviti dan pembayaran gaji kakitangan.

80. Analisis Audit mendapati jumlah aset pada tahun 2021 menunjukkan penurunan sejumlah RM106,241 daripada RM403,513 kepada RM297,272 berbanding tahun 2020. Pada tahun 2022, jumlah aset mencatatkan peningkatan sejumlah RM0.86 juta kepada RM1.16 juta berbanding tahun 2021.

81. Pada akhir tahun 2022, baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM0.61 juta. MPN mencatatkan trend penurunan dan peningkatan dalam baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2020 hingga 2022. Pada tahun 2021, penurunan sejumlah RM108,856 daripada RM128,919 kepada RM20,063 manakala pada tahun 2022, peningkatan sejumlah RM0.59 juta kepada RM0.61 juta berbanding tahun sebelumnya.

Pendapat Audit

Secara keseluruhannya, kesinambungan operasi dan sumber kewangan MPN tertakluk kepada terimaan peruntukan tahunan daripada Kerajaan.

RUMUSAN AUDIT

82. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan MPN berdasarkan Artikel Pertubuhan pindaan 26 Ogos 2019 tidak tercapai, amalan tadbir urus korporat berada pada tahap tidak memuaskan dan kesinambungan operasi dan sumber kewangan MPN tertakluk kepada terimaan peruntukan daripada Kerajaan.

83. MPN tidak diurus dengan baik selaras dengan Artikel Pertubuhan MPN dan Akta 777. Dua ahli LPA tidak mengisyihar kepentingannya sebagai pemilik saham kepada dua syarikat persendirian selaras dengan Akta 777 dan penyalahgunaan dana MPN bagi pembiayaan operasi kepada dua syarikat tersebut berjumlah RM373,516 mewujudkan konflik kepentingan. Manakala ketidakpatuhan MPN terhadap Artikel Pertubuhan berhubung dengan urusan lantikan dan pembayaran elauan tetap LPA.

84. Selain itu, pindaan Artikel Pertubuhan MPN pada 26 Ogos 2019 menyebabkan tiada lagi peranan YAB Perdana Menteri dalam melantik ahli LPA dan wakil Kerajaan untuk memantau MPN serta statusnya sebagai SBMJ yang dikawal selia oleh Kerajaan tidak dapat ditentukan. Tadbir urus korporat MPN pula berada pada tahap tidak memuaskan kerana tujuh daripada lapan elemen yang dinilai tidak diamalkan sepenuhnya. Tadbir urus yang lemah telah menyebabkan pembayaran tidak teratur akibat tindakan dalam operasi syarikat dilaksanakan tanpa kelulusan ahli LPA dan tidak mematuhi SOP yang ditetapkan.

SYOR AUDIT

85. JPM perlu mengkaji semula status MPN sebagai syarikat di bawah seliaan Kerajaan. Status MPN perlu diputuskan sebelum dipertimbangkan sama ada penyaluran peruntukan geran kepada MPN wajar diteruskan.

86. Sekiranya MPN kekal sebagai syarikat di bawah seliaan Kerajaan, MPN perlu membuat pindaan terhadap Artikel Pertubuhan dengan memasukkan wakil Kerajaan dalam LPA untuk memantau operasi dan kewangan MPN.

87. JPM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan MPN bagi ketakteraturan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada agensi penguatkuasaan berkaitan dan pengurusan MPN perlu dirombak secara menyeluruh.

LAMPIRAN 1

OBJEKTIF, SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

OBJEKTIF PENGAUDITAN	1. Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan MPN melalui amalan tadbir urus korporat yang baik dalam melaksanakan aktivitinya dengan cekap dan berkesan serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.
SKOP PENGAUDITAN	2. Penilaian terhadap aspek tadbir urus korporat MPN dalam mengendalikan aktiviti bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Elemen tadbir urus korporat yang dinilai ialah Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah (LPA), Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Prosedur Operasi Standard, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalam. 3. Penilaian terhadap aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.
METODOLOGI PENGAUDITAN	4. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan MPN serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan LPA, pengurusan tertinggi dan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, lawatan fizikal ke pejabat MPN turut dilakukan bagi memastikan pengubahsuaian pejabat dilaksanakan seperti perjanjian sewaan lanjutan dan pemeriksaan panjar wang runcit.

LAMPIRAN 2

ISU LAIN DIBANGKITKAN

-
- | | |
|---|--|
| Perbezaan Penerimaan Pembayaran Sewaan Pejabat | 1. Ringkasan terimaan sewaan pejabat bagi tahun 2021 yang dikemukakan oleh pemilik premis pada 14 Februari 2024 yang dibayar secara tunai oleh MPN bercanggah dengan bayaran sewaan yang direkodkan oleh MPN. Jumlah yang dimaklumkan oleh MPN ialah sebanyak RM35,000 manakala pemilik premis pula ialah sebanyak RM20,000 dengan perbezaan berjumlah RM15,000. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah pembayaran sebenar sewaan pejabat bagi tahun 2021. |
| Perolehan Melebihi RM10,000 Tidak Disertakan dengan Tiga Sebut Harga dari Syarikat Berbeza | 2. Daripada 24 baucar bayaran berjumlah RM728,704 bagi tahun 2022 dan 2023 didapati 18 (75%) perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melebihi RM10,000 berjumlah RM646,165 tidak disertakan dengan tiga sebut harga dari syarikat berbeza. |
| Perbelanjaan Melebihi Peruntukan yang Diluluskan | 3. Perbelanjaan bagi satu program/aktiviti iaitu Lawatan Menteri Pendidikan ke Republik Indonesia dan Forum Dewan Guru Besar Indonesia telah melebihi peruntukan yang diluluskan sebanyak RM27,450. Perkara ini disebabkan perbezaan kadar tiket kapal terbang; penambahan hari bagi sewaan kenderaan serta penginapan; dan perbelanjaan kontigensi serta tempahan hotel yang tiada dalam kelulusan peruntukan asal. |
-

